

## PANDUAN MENJAWAB KERTAS PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU

1.	Siapkan segala alat tulis yang diperlukan hari sebelum peperiksaan.
2.	Datang ke pusat peperiksaan dengan lebih awal.
3.	Tenang dan percayakan diri sendiri bahawa anda sudah bersedia dan akan menghadapi peperiksaan dengan baik.
4.	Pastikan meja dan kerusi anda dalam keadaan baik dan selesa untuk anda menulis. Duduk dalam keadaan menegak.
5.	Baca soalan-soalan terlebih dahulu dengan meluangkan 5 minit dari keseluruhan waktu peperiksaan untuk fahami soalan-soalan secara mendalam. Tandakan kata-kata kunci dan tetapkan berapa masa yang diperlukan untuk menjawab setiap soalan/bahagian.
6.	Ketika anda membaca soalan, catatkan juga idea-idea yang muncul yang akan digunakan sebagai jawapan.
7.	Jawab soalan secara strategik. Mulakan dengan menjawab soalan mudah yang anda ketahui, kemudian dengan soalan-soalan yang mempunyai markah yang tinggi. Soalan terakhir yang harus anda jawab adalah soalan yang: <ul style="list-style-type: none"><li>• paling sukar,</li><li>• memerlukan masa yang panjang untuk menulis jawapannya.</li></ul>
8.	Semasa menjawab soalan aneka pilihan, abaikan jawapan yang anda tahu salah.
9.	Semasa menulis karangan, fikirkan dahulu jalan cerita sebelum menulis. Buat rangka karangan secara ringkas dengan mencatat dahulu beberapa idea yang akan ditulis. Kemudian, susun idea-idea tersebut mengikut susunan mengikut gambar bersiri.
10.	Bahagikan 5 minit waktu anda untuk memeriksa jawapan. Elakkan keinginan untuk segera menyelesaikan semua soalan ujian. Pastikan anda telah menjawab semua soalan dan melorek setiap butiran di kertas OAS.
11.	Baca sekali lagi jawapan anda untuk memeriksa ejaan, struktur bahasa dan tanda baca.